



31 Disember 2018
31 December 2018
P.U. (A) 397

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECCUALIAN) (NO. 8) 2018

STAMP DUTY (EXEMPTION) (NO. 8) ORDER 2018

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 8) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuatkuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 8) 2018**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai 20 November 2012.

Pengecualian

2. (1) Apa-apa surat cara yang dikenakan duti *ad valorem* bagi pindah milik hartanah, yang digunakan bagi maksud menjalankan suatu projek pelancongan yang layak dikecualikan daripada duti setem.

(2) Pengecualian di bawah subperenggan (1) hendaklah terpakai bagi surat cara yang disebut dalam subperenggan itu yang disempurnakan pada atau selepas 20 November 2012 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2020.

(3) Bagi maksud pengecualian di bawah subperenggan (1), orang yang bertanggungjawab untuk membayar duti setem mengikut seksyen 33 Akta hendaklah mengemukakan suatu surat daripada Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah yang mengesahkan bahawa surat cara yang disebut dalam subperenggan (1) adalah bagi maksud menjalankan projek pelancongan yang layak.

(4) Bagi maksud perenggan ini—

“Koridor Pembangunan Sabah” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Enakmen Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah 2009 [*No. 1 / 2009*];

“Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah” ertinya pihak berkuasa yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah 2009.

“projek pelancongan yang layak” ertinya suatu projek berhubung dengan hotel atau tempat peranginan yang dijalankan dalam Koridor Pembangunan Sabah dan diluluskan oleh Menteri.

Dibuat 31 Disember 2018

[Perb. 0.3865/73(SJ.133-3)]ld.3; LHDN.01/35/(S)/42/51/231-38; PN(PU2)/XXXII]

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI DR. WAN ISMAIL
Timbalan Perdana Menteri
yang menjalankan fungsi-fungsi Menteri Kewangan

STAMP ACT 1949

STAMP DUTY (EXEMPTION) (NO. 8) ORDER 2018

In exercise of the powers conferred by subsection 80(1) of the Stamp Act 1949 [Act 378], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Stamp Duty (Exemption) (No. 8) Order 2018**.

(2) This Order is deemed to have effect from 20 November 2012.

Exemption

2. (1) Any instrument chargeable with *ad valorem* duty for transfer of the real property, used for the purposes of carrying on a qualifying tourism project is exempted from stamp duty.

(2) The exemption under subparagraph (1) shall apply to the instrument referred to in that subparagraph which is executed on or after 20 November 2012 but not later than 31 December 2020.

(3) For the purpose of the exemption under subparagraph (1), the person who is liable to pay stamp duty in accordance with section 33 of the Act shall produce a letter from the Sabah Economic Development and Investment Authority confirming that the instrument referred to in subparagraph (1) is for the purpose of carrying on a qualifying tourism project.

(4) For the purpose of this paragraph—

“Sabah Development Corridor” has the meaning assigned to it in the Sabah Economic Development and Investment Authority Enactment 2009 [No. 1/2009];

“Sabah Economic Development and Investment Authority” means the authority established under the Sabah Economic Development and Investment Authority Enactment 2009;

“qualifying tourism project” means a project in relation to hotel or resort which is carried on in the Sabah Development Corridor and approved by the Minister.

Made 31 December 2018

[Perb. 0.3865/73(S).133-3)]ld.3; LHDN.01/35/(S)/42/51/231-38; PN(PU2)159/XXXII]

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI DR. WAN ISMAIL
Deputy Prime Minister
exercising the functions of the Minister of Finance